

'Abang' Shakir beri tip berdepan pesilat Eropah

Berita Harian, 2 May 2014, Page 21

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

'Abang' Shakir beri tip berdepan pesilat Eropah

PERANANNYA dalam pasukan silat kebangsaan banyak berubah dalam tempoh enam tahun sejak beliau bertanding dalam Kejuaraan Pencak Silat Terbuka Belgium 2008.

Jika dahulu beliau bergelar pesilat 'baru', kini Muhammad Shakir Juanda bergelar juara dunia dan kapten pasukan pesilat kebangsaan.

Apabila ditemui selepas sesi latihan awal minggu ini, Shakir, 25 tahun, akur beliau perlu memberi contoh yang baik sebagai pesilat paling 'tua' dalam pasukan.

"Kini saya dah jadi 'abang'," seloroh Shakir.

"Kami memang sentiasa menerima bimbingan daripada jurulatih. Saya juga masih belajar, tetapi sedikit sebanyak, saya rasa saya boleh membimbing pesilat muda, atau sekurang-kurangnya memberi mereka perangsang."

Mungkin pengalaman Shakir bertanding di Belgium dapat membantu anggota pasukannya.

Pada 2008, Shakir melepasi jangkauan ramai ketika beliau berjaya menewaskan pesilat United Kingdom dalam peringkat akhir kategori C (55 hingga 60 kilogram) untuk menggondol pingat emas.

Menurut Shakir, antara cabaran utama di Belgium adalah 'menyimpan' stamina dan memelihara tenaga sepanjang jadual padat dalam kejuaraan dua hari itu.

"Seorang pesilat boleh beraksi sehingga tiga kali sehari jika beliau mara ke pusingan selanjutnya. Jadi, mengatur strategi beradu yang betul adalah penting," kata Shakir, seraya berkata kelebi-

► **NORMAN SAWI**


han fizikal yang dimiliki pesilat Eropah boleh disaingi teknik dan kelicikan pesilat Asia.

Antara pesilat muda yang berharap dapat mempamerkan keupayaannya di Belgium ialah Irham Mustafa Kamal.

Irham pernah meraih satu pingat emas dan gangsa di Kejohanan Pencak Silat Nasional ke-39 minggu lalu.

Pelajar menengah empat Sekolah Menengah Riverside itu tidak mahu menghampakan pasukan dalam pertandingan pertamanya di Eropah itu nanti.

"Saya jangkakan persaingan yang agresif, tetapi saya bersedia," kata Irham. ► **NORMAN SAWI**



SHAKIR: Akur perlu menunjukkan contoh yang baik kepada pesilat-pesilat lebih muda dalam pasukan kebangsaan.